

PROLOG

Berdua mereka kata lebih baik dan sepertinya memang begitu adanya.

Aku dan dia, bukan dua individu yang jika disatukan akan menjadi sempurna. Tidak, tidak seperti itu senarionya. Aku tetap aku dan dia tetap dia. Aku dan dia tetap berbeza namun bertambah kaya, kaya kerana perbezaan, kaya kerana tanggungjawab, kaya kerana hati yang saling melengkapi.

Pernah kami bersama tetapi ego dan keyakinan mengalami pasang surut seiring dengan jiwa yang terus bergolek.

Aku pergi mencari sesuatu yang sedang kucari, entah apa itu. Namun semakin aku mencari, tetap langkah ini kerap tertambat kembali padanya. Mungkin ini petanda, mungkin memang seharusnya aku melangkah bersamanya.

Aku yang pergi, aku yang kembali dan dia tetap tak berubah, dengan sikap dan perhatian yang sama seperti kala pertama kami bertemu.

Hatiku jatuh begitu saja kepadanya, bagai menemukan sesuatu yang telah lama kucari. Harapanku, ini bukan hanya sekadar awal yang indah melainkan juga sebuah awal untuk akhir yang indah.

Aku mencari jalan untuk pulang

Namun aku tak tahu, pulang ke mana yang aku mahu

Aku melihatmu kebingungan dari kejauhan

Selalu seperti itu tanpa keberanian

Kamu ada di setiap persimpangan

Memberi petunjuk di setiap keliru

Kamu ini sebenarnya apa?

Kamu tahu aku ada tapi kamu selalu mengelak

Aku hanya sebuah petunjuk, bukan sesiapa

Aku tak selalu ada tapi kamu selalu tahu

Aku mungkin mengada tapi kamu selalu percaya

Aku memang ada dan aku tahu kamu tahu

Aku bukan percaya tapi aku.....memahami

Sekarang aku mengerti,

Kamu.....tempatku pulang

8 Januari 1994

Kepada kamu, penerima suratku,

Rizal Affandi

Salam kenal,

Hai, nama saya Atikah Syuhada, awak boleh memanggil saya Atikah.

Saya tinggal di Melaka. Hummm....bukan di bandarnya melainkan daerah di pinggir desa. Umur saya lapan belas tahun, sudah tidak bersekolah dan sedang mengalami masa begitu sukar dalam hidup saya. Saya hanya tak tahu pada siapa saya harus bercerita.

Oh ya.....

Saya melihat profil tanpa foto awak di keratan majalah yang saya dapat dari bekas ketua pengawas sekolah menengah saya. Ada alamat awak di situ lalu saya mengirim surat ini pada awak. Entahlah, melihat isi tulisan awak, saya berfikir awak adalah orang yang sangat bijaksana dan dapat memberikan jalan keluar kepada saya.

Jangan ingat kalau saya ini adalah peminat gila awak, kerana saya hanya tak tahu harus bercerita pada siapa. Apatah lagi kita berdua tidak pernah bertemu jadi tak ada ruginya kalau

awak membaca semua keluh-kesah saya dalam surat ini. Maaf jika saya sepertinya kurang sopan. Maklumlah, saya sedang serabut. Saya tak boleh lagi mencerna kalimat demi kalimat, tak mampu menilai apakah semuanya layak untuk diucapkan atau dituliskan atau tidak.

Jika semua pembaca majalah di sesi ruangan soal jawab, mereka memanggil awak dengan panggilan Abang Affandi , jadi saya memilih untuk memanggil awak sebagai Riz saja.

Riz, ibu saya gila.

Dan yang membuatkan saya pening adalah ketiga-tiga kakak saya tak ada yang peduli dengannya sementara saya ini adalah anak bongsu yang seharusnya menjadi tanggungan ibu. Saya tak boleh melanjutkan pelajaran saya ke universiti kerana harus menjaga ibu yang semakin hari bersikap semakin aneh. Sebenarnya saya terpaksa berada di sini bersamanya kerana hanya saya satu-satunya ahli keluarga yang dia ada. Tiga orang kakak saya sibuk mengejar mimpi entah di mana.

Jangan ingatkan tentang ibu yang melahirkan mereka kerana mereka tidak pernah ingat.

Padahal saya ini mempunyai cita-cita untuk menjadi seorang jurnalis. Saya sangat suka membaca, melaporkan kejadian dalam tulisan atau menulis apa-apapun yang tidak penting. Kerana itu, saya suka bersahabat dengan ulat buku. Hanya dia yang tahu bagaimana gembiranya saya saat memperoleh majalah atau surat khabar secara percuma darinya untuk membaca dan mengasah pengetahuan saya tentang penulisan.

Saya juga suka dengan cara penulisan awak di ruangan 'Soal Hati'. Walaupun agak mendayudayu tetapi ia sangat menghiburkan. Melihat segala penyelesaian awak tentang kegundahan pembaca dengan masalah-masalah mereka, saya merasakan awak ini adalah orang yang bahagia dan tidak mempunyai masalah dalam hidup. Berbahagialah orang-orang seperti awak.

Kembali ke masalah saya tadi,

Riz, wajah saya dengan tiga orang kakak saya semuanya berbeza. Wajah saya lebih mirip orang Melayu sementara tiga orang kakak saya ada yang berwajah mirip orang Cina, Arab dan ada yang seperti orang Barat. Seperti ada beragam bangsa di dunia dalam keluarga ini, yang

sayangnya tidak mampu bersatu padu bagai semboyan negara. Mungkin satu alasannya adalah kerana kami tidak mempunyai ayah. Ya, kami berempat tidak pernah mengenal ayah kami dan lebih parahnya lagi menurut cerita orang, masing-masing dari kami mempunyai ayah yang berbeza.

Sejak kecil, telinga kami sudah dibebani dengan pelbagai cacian negatif dari orang-orang kampung tentang ibu. Mereka kata ibu kami ini adalah jalang atau wanita murahan kerana anak-anaknya tidak mirip antara satu sama lain dan tidak pernah pula walau sekalipun ibu membawa lelaki yang dipanggilnya sebagai suami datang ke rumah. Selama empat kali kehamilannya, dia hanya membawa kami di dalam perutnya untuk pulang ke rumah orang tuanya, nenek dan atuk kami. Setelah melahirkan, dia lantas pergi lagi, entah ke mana. Hanya beberapa tahun kebelakangan ini, dia kembali dan mulai menetap mungkin kerana fizikalnya yang sudah mulai tua dan tidak kuat lagi bekerja.

Menurut awak, apa sebenarnya pekerjaan ibu saya ya?. Ia benar-benar misteri bagi saya.

Berbalik kepada tiga orang kakak saya, rupa-rupanya mereka bertiga bukanlah orang yang sabar. Mereka muak mendengar cemuhan dan cacian dari penduduk kampung. Mereka lari, satu per satu pergi meninggalkan rumah. Setelah atuk dan nenek saya yang baik hati itu meninggal, akhirnya hanya ibu dan saya saja yang menghuni rumah sempit ini.

Ibu saya sangat cantik tetapi seorang yang pemarah. Walaupun sudah berumur, raut cantik di wajahnya masih boleh terlihat jelas. Ramai orang kata saya ini adalah versi muda dari ibu. Sumpah, saya tak sudi disamakan dengannya kerana sikap ibu yang luar biasa gilanya sampaikan saya sendiri trauma jika dia memanggil nama saya dari kejauhan.

Tubuh saya akan menggeletar hebat, hati saya berdegup kencang bahkan mata saya berair kerana rasa takut itu. Ibu saya seorang yang pendiam, tidak banyak bercakap termasuk dengan saya, satu-satunya manusia yang terpaksa peduli padanya. Namun walaubagaimanapun, dia tetap ibu saya, hanya itu yang terpatery dalam benak.

Beberapa bulan kebelakangan ini, tepat saat saya menamatkan pengajian di sekolah menengah, ibu tiba-tiba menjadi sangat pendiam. Dia tidak lagi berteriak-teriak, menjerit marah sebaliknya dia kerap terlihat menangis sambil tertawa.

Ibu saya gila. Ya, ibu saya menjadi gila.

Saya telah memujuk ibu agar dibawa ke klinik untuk diperiksa. Kos biaya tidak menjadi masalah kerana masih ada sedikit wang tabungan dari arwah atuk dan nenek. Namun ibu menolak dengan cara diam bagaikan patung, seolah-olah tubuhnya menjadi bongkahan batu sehingga susah untuk saya memapah tubuh kurusnya itu.

Walaupun rumah ini usang, ternyata nenek dan atuk masih mempunyai beberapa petak sawah yang mereka wariskan kepada saya. Saya menjual sebahagian darinya, asalnya untuk digunakan bagi membiaya kos kuliah saya tetapi telah digunakan untuk membiayai ibu...

Ah...sudahlah!!

Ya, dia makan. Dia tidur dan dia bersikap seperti binatang buas yang kehabisan tenaga. Tak ada jiran tetangga yang peduli dengan kesihatannya, yelah, masa dia sihat pun tiada yang peduli apatah lagi bila dia sudah jatuh sakit. Ibu terkenal dengan sikap angkuh dan tidak mahu bergaul dengan mereka. Meminta mereka untuk sama-sama memapah ibu untuk dibawa ke klinik saja pun tak boleh. Mereka pasti menolak dengan sikap yang jijik.

Ah.....apa khabar dengan mimpi-mimpi saya sekarang?. Saya fikir, ya sudahlah. Saya boleh mengejar mimpi saya kemudian setelah maut menjemput ibu. Namun kenyataannya, semakin hari hati saya ini semakin terseksa dan ingin ibu segera mati!.

Riz, saya ini orang beragama. Jangan awak sangka saya ini tidak mengenali Allah. Namun sungguh, saya yakin, siapapun yang berada di posisi saya sekarang pasti akan berharap agar wanita tua itu segera mati. Seluruh waktu saya korbankan untuk mengurusnya tetapi tidak sedetik pun dia menganggap saya ada. Selalu menyebut saya ini anak derhaka seperti Si Tanggah tetapi saya ingin tahu, bolehkah seseorang itu mengatakan bahawa ada juga seorang ibu yang derhaka kepada keluarganya?.

Mungkin saya akan lebih menghargai ibu jika dari dulu dia bersikap baik kepada atuk dan nenek. Dulu, saya sering melihat nenek menangis di dapur hanya kerana herdikan ibu yang menyakiti hatinya. Apa salah nenek? sampaikan ibu sanggup memarahinya sehingga

menangis?. Ingin rasanya berlari meninggalkan ibu sendirian tetapi saya masih mempunyai akal waras dan rasa kasihan.

Hanya kasihan, Riz.

Dulu saya ada seorang kawan saat ibu belum kembali ke rumah ini.

Namun semenjak dia pulang, ibu mula marah-marah dan membenci kawan-kawan saya yang dia anggap hanya membuatkan masa saya terbuang dengan sia-sia. Dia lebih suka melihat saya menuruti semua keinginannya berbanding melihat saya tertawa bersama kawan-kawan. Ibu saya ini jenis manusia apa?. Terbuat dari apa?. Semakin lama, saya mula mengerti mengapa tiga orang kakak saya begitu membenci wanita ini.

Taring ibu saya telah tertanggal.

Kini, di hadapan saya hanya ada seorang wanita tua yang selalu meracau sambil menangis dan tertawa. Menyebut nama-nama asing yang tidak saya kenali. Ya, ibu mula menyebut nama beberapa orang-seperti nama beberapa lelaki. Seseekali dia menyebut nama kakak-kakak saya tetapi saya?. Tak pernah walau sekalipun dia menyebut nama saya. Memang keterlaluan!. Dalam keadaan sebeginipun, dia masih meminggirkan saya.

Riz, pagi tadi ibu saya telah terjatuh dari tempat tidurnya.

Darah mengalir keluar dari bahagian kanan kepalanya, menitis di lantai biliknya. Apa yang mengerikan, ibu saya tak sedarkan diri sehingga sekarang. Sudah saya panggilkan jururawat di klinik untuk memeriksa keadaannya. Jururawat mengangkat tangan, kembali ke klinik untuk memanggil seorang doktor. Setelah memeriksa, doktor terpaksa mencukur botak sedikit sebahagian kepala ibu agar lebih mudah menjahit lukanya dan membius tubuh ibu untuk tetap terbaring di tempat tidur.

Saya menulis surat ini di kerusi yang berada tepat di sisi katilnya, tempat tidurnya. Rasanya kepala saya ini akan pecah dan saya merasa sangat tertekan dalam keadaan seperti ini. Saya tidak memerlukan dana untuk membiayai kos perubatan ibu, wang saya masih cukup untuk menampungnya. Saya hanya ingin bercerita, berkeluh kesah dan berharap mendapat sebuah pencerahan yang saya sendiri tidak tahu, apa itu.

Tak perlulah awak membalas surat ini jika memang enggan. Saya bukan perempuan yang suka berharap kerana bagi saya, harapan itu telah mati. Sudah saya katakan tadi, saya hanya ingin bercerita dan menulis adalah salah satu cara yang tepat untuk melupakan segala isi hati saya.

Hahaha...kata-kata saya ini sungguh membosankan kan?

Mungkin kerana saya terlalu sering membaca majalah soal jawab awak yang terkadang memang membosankan. Maaf, jangan tersinggung, saya hanya ingin bersikap jujur.

Baiklah, bila ada masa terluang nanti saya akan tuliskan lagi surat untuk awak. Semoga awak baik-baik saja di sana.

Doakan agar ibu saya segera mati ya.

Atikah

Atikah Syuhada

12 Januari 1994

Untuk Atikah

Pagi ini saya sedang duduk santai di depan halaman rumah, memandang arnab perliharaan yang sengaja saya biarkan ia berlarian di halaman. Selipar jepun saya pun sudah habis digigitnya. Gara-gara itu, di rumah saya sering berkaki ayam. Lantai mozek halaman ini terasa begitu dingin. Saya mengangkat kaki ke atas kerusi yang beralaskan bantal kanvas dan duduk bersila agar hangat.

Saya menunggu Mak Jah mengambilkan teh manis panas yang saya minta tadi.

Tak lama kemudian, Mak Jah datang membawakan minuman pesanan sambil menghulurkan sepucuk surat. Saya berfikir surat itu sepertinya surat-surat yang sering datang sebelum ini- yang selalu membicarakan soal cinta dan patah hati.

Namun ketika membaca surat itu, saya terkejut. Seluruh perhatian langsung terpaku pada tulisan awak Atikah. Tak pernah ada yang bercerita kepada saya seperti ini sebelumnya. Apatah lagi surat awak ditutup dengan aneh.

“Doakan agar ibu saya segera mati ya.”

Klise kalau saya katakan;

“Jangan doakan seperti itu!. Dia ibu kau atau kau anak derhaka!!. Dia membesarkan dan melahirkan kau!. Kau itu anak berdosa!!”

Saya bukan Tuhan yang boleh menilai dosa atau malaikat yang mencatat amal baik dan buruk. Awak bencikan ibu awak bukan tanpa alasan. Kakak-kakak awak mungkin tidak mahu membenci dan menyumpah ibu awak jadi mereka lebih memilih untuk pergi saja. Biar tenang.....

Tetapi.....

Bolehkah kalau saya katakan awak ini adalah orang yang baik?.

Walaupun awak membenci ibu awak, awak tetap mendampingi di sana. Tidak seperti kakak-kakak awak yang berbeza-beza itu kan?.

Walaupun kata-kata awak pedas tetapi awak masih mempunyai hati.

Awak menulis surat itu tanpa skrip kan?. Seakan-akan semua yang ada di otak awak, awak ungkapkan dengan apa adanya. Tak perlu ada pembetulan. Penerangan awak yang beremosi menjelaskan luahan amarah.

Itu penting. Awak tidak boleh bertindak dan awak juga tidak boleh terus menahannya seorang diri. Jadi awak menulis untuk meluakannya. Saya juga meneka yang awak ini memang tidak mempunyai ramai kawan. Walaupun ada, awak tak suka bercerita tentang banyak hal kepada mereka terutama sekali apabila ia melibatkan hal peribadi. Awak bukan jenis orang yang suka menyuarkan isi hati kecuali jika awak percaya seratus peratus kepada orang itu dan awak yakin dia boleh membantu awak. Dan awak bercerita kepada saya. Terima kasih kerana percayakan saya Atikah. Beritahu saja kalau saya ini sememangnya manusia yang perasan.

Saya menyangka, untuk usia lapan belas tahun, awak sudah terlalu cukup dewasa. Lagipun dewasa itu bukan diukur berdasarkan lingkungan usia. Dewasa adalah sesuatu yang boleh mengambil keputusan, membezakan di antara mana yang baik dan mana yang buruk.

Mungkin dengan sekarang berada di sisi ibu, awak merasakan itu bukanlah suatu keputusan yang baik bagi awak tetapi untuk ibu awak, percayalah...itu pasti yang terbaik.

Sekali lagi, awak mendapatkan perhatian saya Atikah.

Saya sempat tertawa ketika membaca tulisan awak soal hidup saya yang bahagia dan tidak mempunyai masalah. Hanya kerana awak membaca tulisan saya di ruangan majalah itu, awak berfikir saya seperti itu?. Hahahahahaha.

Mungkin sekarang giliran saya pula yang mencari perhatian awak.

Tak ramai yang tahu seperti apa sebenarnya saya ini. Jawapan yang saya tulis di ruangan majalah seakan-akan menggambarkan hidup saya ini sempurna. Padahal, percintaan saya pun tidak berjalan lancar. Masalah mereka saya jawab dengan hanya menggunakan akal, bukan pengalaman. Syukurlah jika itu berguna bagi mereka.

Jujur, saya seolah-olah menjadi orang yang berbeza di sana. Saya bukan orang yang paling faham soal cinta, para pembaca saja yang memandai-mandai melabelkan saya sebagai Pemuda Cinta kerana setiap orang yang mengirimkan surat kepada saya pasti akan bertanya soal cinta, predikat itu sudah melekat di dalam kepala saya. Jangkaan terkadang membatasi realiti. Sampaikan saya sendiri pun sudah bosan dengan semua itu.

Namun baru kali ini saya dapatkan sesuatu yang lain. Baru dari awak Atikah. Menarik!. Awak tidak berkongsi tentang kisah cinta tetapi jauh lebih dalam dari itu.

Awak telah mencuri perhatian saya Atikah.

Selain tentang cinta, saya tak banyak bercakap. Banyak hal besar yang saya pendamkan dan tak pernah diketahui oleh orang lain. Awak sangat berani membahagikan hal-yang saya anggap terlalu peribadi- bagi saya. Rasanya tidak adil jika saya tidak berkongsi tentang rahsia saya.

Mungkin saya akan ceritakannya secara terperinci nanti kerana sekarang, bahagian awak untuk bercerita. Ada beberapa pertanyaan dari saya;

Adakah awak pernah bertanya di mana ayah awak berada?

Adakah awak tak pernah mencarinya?

Bilakah kali terakhir awak berbual serius dengan ibu awak?. Tentang apa?

Mungkin awak beranggapan buruk terhadap ibu awak di atas apa yang telah dilakukannya tetapi Atikah, itu kan dulu?. Ketika melihat keadaan ibu awak sekarang, adakah awak masih merasa seperti itu?.

Dia membesarkan, menyekolahkan, membelikan seragam, memberi makan bahkan saat kecil dia yang mengajarkan awak bercakap-sampai akhirnya awak boleh menggunakan kata-kata itu untuk menyumpahinya.

Membicarakan soal keluarga sememangnya suatu hal yang begitu sensitif. Sebenarnya, saya pun tidak sebaik awak. Sedih rasanya jika begini.

Namun bila saya fikirkan lagi tentang ibu awak, dia tetap melahirkan anak-anaknya. Tanpa pedulikan segala cemuhan negatif dari orang-orang disebabkan tak pernah bertemu dengan suaminya.

Awak ingat, dia tidak sakit hati bila orang memanggilnya dengan perkataan 'jalang' dan pelbagai kata hinaan yang lainnya?. Ketika dia dihina seperti itu, mana keluarganya? dan yang paling penting, awak di mana Atikah?.

Kenapa awak semua malah jadi malu dan turut menjauhinya?. Saya tidak hairan jika ibu awak menjadi sedikit gila (maaf kerana saya mengatakannya seperti itu). Mungkin dia terseksa disebabkan oleh semua hinaan orang-orang tanpa ada yang membela.

Pasti sukar tetapi perlahan-lahan, maafkanlah dia.

Ibu awak tidak hanya memerlukan orang untuk menjaganya. Dia bukan binatang buas yang tak berdaya seperti yang awak fikirkan. Pasti ada beban berat yang dia pikul sehingga membuatkan dia meracau seperti yang awak ceritakan. Dan beban itu pasti lebih berat daripada apa yang awak rasakan. Datanglah kepadanya, ajak dia untuk berbual. Siapa tahu, dari sana awak boleh menjawab semua pertanyaan saya.

Saya harap kata-kata saya ini tidak menyinggung perasaan awak. Seperti yang saya katakan tadi, saya cuma mahu memberikan pendapat jujur.

Oh ya....saya suka bila awak memanggil saya dengan nama Riz. Itu adalah panggilan saya sejak dari kecil. Sudah lama saya tidak mendengar orang memanggil saya dengan nama itu. Awak kembali menghidupkannya. Satu tulisan awak saja sudah membuatkan saya merasa seolah-olah telah mengenali awak lebih dari tiga bulan. Saya rasa, saya akan mula menemukan persamaan di antara kita. Nanti, kita boleh berbual tentang banyak perkara lagi. Sekian dulu Atikah. Baik-baik di sana.

Saya doakan agar ibu awak segera sembuh.

Rizal Affandi

Rizal Affandi

16 Januari 1994

Kepada Rizal Affandi

Terima kasih.

Entah, apakah saya harus mengucapkannya atau memang sudah seharusnya awak membalas surat keanak-anakan saya ini?. Berbanding mendapatkan berita yang mengatakan seorang gadis bernama Atikah Syuhada telah ditemui menggantung diri sehingga mati disebabkan oleh tekanan perasaan. Dan awak yang sedang bersantai menikmati secawan teh terkejut setelah melihat nama yang terasa familiar itu. Lalu awak selongkar timbunan surat peminat dan menemukan surat saya yang tak sempat awak balas di sana.

Tenang, sekarang saya tak akan melakukan hal sebodoh itu lagi walaupun diri ini sangat membenci kehidupan yang semakin tidak berpihak pada saya lagi. Membaca surat awak, saya semakin yakin bahawa awak memang petah berkata-kata. Beberapa kali bibir saya ini tersenyum saat membacanya. Percaya tak?. Sudah lama saya tidak tersenyum seperti ini, terasa begitu bahagia dapat berkomunikasi dengan orang dan Riz, awak adalah satu-satunya orang asing yang boleh membuatkan saya tersenyum sendiri seperti orang gila. Ya, seperti ibu saya yang boleh tiba-tiba ketawa-entah sedang memikirkan apa.

Riz, saya dan ibu jarang berbual bersama. Seakan-akan membenci saya, ibu kerap berpaling muka bahkan saat jarak saya dengannya sangat dekat, contohnya ketika mahu menyuapkan makanan kepadanya, ibu tak tahu berterima kasih. Ibu saya adalah orang yang paling tidak sopan di dunia ini. Bagaimana tidak, dia tidak pernah merawat dan membesarkan saya Riz. Atuk dan nenek yang melakukannya. Mengurus, menjaga, membesarkan dan membiayai kami adik beradik. Seandainya tidak ada mereka, mungkin tak ada yang sudi untuk mengasuh kami-anak-anak haram dari seorang perempuan jalang.

Entahlah, saya tak tahu adakah kami ini semua adalah anak haram atau bukan. Bagaimana mungkin saya boleh bertanya siapa ayah kandung saya jika dia selalu membungkam seolah-olah saya ini tidak pernah ada?. Lagipun jika melihat keyakinan di mata orang-orang yang membenci ibu, saya semakin percaya bahawa kami semua ini memang anak haram.

Bagaimana mungkin saya boleh memaafkannya?.

Jika bukan kerana kasihan, saya tak akan pernah sudi melakukan semua ini. Sekali lagi saya katakan, hanya kasihan dan tidak lebih dari itu. Bukan main seronok kakak-kakak saya dengan bebas melebarkan sayap mereka, terbang meninggalkan saya tanpa ada khabar berita. Kadang kala saya ingin mencari mereka bertiga, ingin mereka rasakan bagaimana berada di posisi saya yang merasa kelelahan dengan sikap dan penyakit ibu.

Kelmarin, saat saya membeli barang dapur di kedai tetangga, ada beberapa orang yang datang bertanyakan saya tentang keadaan ibu. Sambil ketawa terbahak-bahak, mereka berkata bahawa itu semua adalah karma yang harus diterima oleh ibu. Saya memang membencinya tetapi entah kenapa, ada sedikit rasa sakit juga saat mendengar ibu dicemuh.

Saya....yang tak pernah tahu apa yang ibu lakukan di luar sana tentu akan berprasangka buruk seperti mereka. Bayangkan, dia mempunyai empat orang anak tanpa menikah walaupun dengan seorang lelaki. Sikap dan gayanya yang seperti orang Barat memang sangat keterlaluan bahkan melebihi orang-orang Barat. Jika sesekali ibu pulang, saya sering mendengar dua orang kakak saya mendesaknya dengan banyak pertanyaan. Mereka bertanyakan tentang ayah kami dan tak pernah walau sekalipun wanita keji itu menjawab. Saya dan seorang lagi kakak perempuan saya hanya berdiam diri di dalam bilik, mendengar ketiga-tiganya saling berdebat sehingga keluar kata-kata kesat dari mulut ibu.

Ya, satu hal yang perlu awak tahu tentang ibu saya.

Ibu saya sangat kasar. Kata-kata yang keluar dari mulutnya seperti ucapan orang yang tidak pernah bersekolah.

Riz, membaca cerita awak tentang menulis sepucuk surat sambil menikmati secangkir teh di halaman rumah rasanya betul-betul membuatkan saya iri hati. Saya tidak mempunyai waktu untuk bersantai seperti awak. Saya menulis surat ini selepas membersihkan muntahan ibu yang bertaburan di bawah tempat tidurnya. Beberapa hari ini, dia kerap muntah, baunya sangat menjijikkan. Jika tak cepat-cepat saya bersihkan, bau yang busuk itu akan menyebar ke seluruh penjuru rumah.

Badannya semakin kurus bagaikan tulang berbalut kulit, rambutnya yang dulu lebat kini sebahagiannya sudah gugur kerana jahitan di kepala. Saya melihat dia seperti mayat hidup. Tak ada ghairah, tak ada lagi kehidupan di kedua-dua bola matanya. Kadang kala saya memohon kepada Tuhan;

“Tuhan, ampuni aku. Kurasa sebaiknya Kau ambil saja nyawa ibuku dengan segera daripada hidupnya harus menderita seperti sekarang.”

Riz, kelmarin ibu saya mengigau.

Wanita tua itu memanggil-manggil nama kakak saya, Ara. Dia adalah kakak perempuan saya yang sangat cantik. Wajahnya bagaikan dipahat malaikat. Hidungnya mancung sempurna, bibirnya mungil dan bola matanya berwarna kecoklatan. Aisyah Syahara namanya. Diberikan oleh atuk dan nenek, bukan ibu saya. Kakak perempuan saya itu wajahnya seperti orang Barat. Rambutnya perang dengan sudut bahagian wajah yang bujur. Tak hairanlah mengapa semua orang menggelarnya dengan panggilan ‘Minah Salleh Kampung’.

Entah apa yang sedang ibu fikirkan saat itu, yang pasti dia terus menerus menyebut nama Ara. Aneh, sebenarnya hubungan Ara dan ibu sangat-sangat parah. Dulu Ara adalah seorang anak perempuan yang sangat mendengar kata bahkan boleh dikatakan bahawa sikap Ara itu jauh lebih baik daripada saya yang kerap bermasam muka dengan ibu.

Namun tiba-tiba suatu hari ibu mengajaknya pergi-entah ke mana. Saya dan dua orang lagi kakak saya tidak diajaknya.

Selepas waktu Subuh, Ara pulang dengan keadaan wajahnya yang kusut masai dan rambutnya mengembang. Waktu itu, atuk sudah meninggal jadi dia hanya menjerit-jerit memanggil nenek. Aisyah Syahara berbicara pada nenek tetapi saya dan dua orang lagi kakak saya tidak boleh mencuri dengar akan perbualan di antara mereka berdua.

Hanya satu kalimat yang boleh saya dengar dengan jelas;

”Nek, maafkan Ara. Ara tak nak pergi!. Ara nak tinggal di sini bersama nenek.”

Setelah itu, Ara berubah.

Ara menjadi sangat pendiam, tidak mahu bercakap dengan kami lagi, saudara-saudaranya. Padahal sebelumnya hubungan saya dengan Ara sangat rapat.

Saat ibu kembali ke rumah ini, Ara pergi entah ke mana bagaikan tidak sudi bertemu dengan dirinya. Dan ibu tidak pernah menjelaskan apa yang sebenarnya terjadi sehingga membuatkan kakak saya begitu marah padanya. Saat nenek berusaha mengorek cerita, ibu malah memarahi nenek sehingga akhirnya Ara pergi dan tidak pernah kembali lagi.

Riz, dia orang pertama yang pergi meninggalkan rumah kami. Dia tidak datang ke pengebumian nenek atau bahkan mungkin dia tidak tahu bahawa nenek yang begitu menyayanginya itu jatuh sakit lalu meninggal dunia setelah dia pergi. Padahal yang saya ingat, dia pernah berkata bahawa dia ingin tinggal di sini menemani nenek. Ah, pelik betul kakak saya tu.

Dan sekarang, ibu berteriak memanggil nama Ara dalam tidurnya.

Sial!!! Tak pernah walau sekalipun dia menyebut nama saya.

Padahal hanya saya saja yang tersisa, yang sudi mengurusnya. Ah, Riz, saya pening memikirkan semua cakap kosong ini. Mungkin ibu berharap saya akan membantu mencari Ara untuknya tetapi saya harus mencarinya di mana?. Bahkan saya sendiri tidak tahu sekarang ini dia berada di kota mana, dengan siapa, melakukan apa. Apa yang harus saya lakukan sekarang Riz?.

Jika awak menjadi saya, apa yang akan awak lakukan?. Saya hanya berharap boleh membuatkan Ara kembali ke rumah ini. Siapa tahu, setelah Ara datang, ibu akan menjadi lebih tenang lantas mati.

Meski tidak pernah bertemu dengan awak, rasanya saya ini sepertinya sudah mengenali awak dengan baik. Saya tak suka disebut peminat fanatik awak kerana saya kurang bersetuju dengan pandangan awak yang hanya berusaha membuatkan orang lain gembira dan tenang. Saya yakin awak tak pernah berada di posisi mereka yang terus menerus membebaskan awak dengan masalah hidup mereka – terutama cinta.

Ouhh ya, saya mohon awak jangan pameran masalah-masalah saya ini di dalam ruangan majalah. Saya tak nak nama saya dikenali oleh orang ramai sebagai anak jalang. Maaf kerana saya membebankan awak dengan cerita-cerita sampah. Saya hanya tak punya kawan untuk berkongsi kisah gila ini.

Riz, baiklah.

Saya begitu bahagia kerana awak sudi membalas surat saya.

Setidaknya, saya boleh merasakan apa yang sebenarnya awak lakukan dan kepala saya selalu berimajinasi dengan balasan surat itu. Rasanya saya seperti benar-benar mengenali awak.

Sebelum saya menutup tulisan surat ini, jika tidak keberatan, saya ingin tahu apa sebenarnya yang membuatkan awak tidak bahagia?. Jika awak jujur bahawa sebenarnya hidup awak tak bahagia seberat dugaan saya ini, saya tak akan terlalu dipeningkan dan kerap mengeluh dengan hidup yang sekarang sedang saya jalani.

Riz, ibu saya baru saja muntah. Gila!. Dia muntah darah!! Ahhh.....saya ingin berdoa kepada Tuhan agar segera mengambil nyawa dia. Saya dah tak tahan lagi!!!.

Atikah

Atikah Syuhada

24 Januari 1994

Untuk Atikah

Semoga awak dalam keadaan sihat selalu.

Beberapa kebelakangan ini, saya selalu bertanya kepada Mak Jah, apakah ada surat untuk saya. Saya menunggu dan akhirnya muncul juga surat dari awak ini.

Awak membuatkan saya tertanya-tanya Atikah. Entahlah, seperti ada sesuatu yang sepertinya memang membuatkan kita harus saling mengenal dengan lebih jauh lagi.

Saya gembira bila awak tersenyum saat membaca surat saya. Setidaknya, saya boleh mengurangkan sedikit lara yang awak rasakan. Semoga.

Awak masih suka menyalah-yalahkan ibu awak.

Sudahlah, jangan beremosi lagi. Ibu awak sudah terlalu terseksa dengan penyakitnya. Ya, jika dia memang seperti yang dituduh oleh penduduk kampung, anggap saja ini adalah penghapusan dosa untuk dirinya. Dugaan tidak datang tanpa alasan kan?. Sebut saja ini adalah karma, kifarrah atau.....ahh entahlah, saya pun tak tahu.

Saya menduga awak sebetulnya ingin berfikiran sama dengan orang lain- yang menganggap ibu awak itu adalah perempuan jalang dan berfikir bahawa sebenarnya ibu awak sedang mencuba menjual kakak awak saat mereka pergi entah ke mana. Namun awak tak sampai hati, tidak sanggup untuk berfikir sejauh itu. Awak masih sedaya upaya menolak akan kepercayaan itu jika tidak melihat dengan mata kepala awak sendiri kan?. Kebencian awak terhadap ibu awak hanya sebatas kata-kata yang awak pendam dan hanya boleh awak curahkan kepada saya.

Saya percaya awak sebenarnya mempunyai hati nurani yang baik.

Awak tidak mengenali siapa ibu awak yang sebenarnya dan dia juga tidak mengenali awak dengan baik. Hubungan kamu berdua bukan seperti hubungan ibu dan anak yang lazim. Sewajarnya, anak perempuan pasti rapat dengan ibunya. Namun, tak perlu mencari siapa yang

salah. Boleh jadi dia atau bahkan awak sendiri. Tolong jangan marah jika saya berkata seperti itu.

Kehidupan saya juga tidak seindah seperti yang disangka. Memalukan!. Ayah dan ibu saya harus bekerja keras memerah keringat untuk membesarkan seorang anak. Mereka bertekad untuk tidak lagi memiliki anak selain dari abang saya. Mereka tinggal di rumah sewa, makan seadanya dan harus menahan segala keinginan untuk memiliki barang-barang yang dimiliki oleh orang lain.

Namun kehendak Tuhan berkata lain saat ibu disahkan hamil. Jika keluarga lain pasti akan bersyukur dengan anugerah itu tetapi berbeza bagi ayah dan ibu saya. Mereka kebingungan. Hanya ada pertengkaran demi pertengkaran disebabkan kehamilan itu. Ayah berusaha bersikap realistik, dia meminta ibu saya untuk mengugurkan janin dalam kandungannya kerana alasan yang cukup jelas. Sementara ibu pula yang pada awalnya sependapat, mula merasa keberatan dengan keputusan ayah.

Pergaduhan itu akhirnya mengubah sikap ayah. Dia mula jarang pulang ke rumah, alasannya kerja lebih masa dan mencari kerja sampingan. Kenyataannya, ibu telah mengintip ayah dan mendapati ayah sedang bersenang-lenang dengan perempuan lain. Ibu saya adalah orang yang bersikap sangat tenang, dia cuba mengerti mengapa ayah bersikap seperti itu. Meskipun sakit, dia menelan bulat-bulat kenyataan pahit itu. Ayah mula jarang pulang. Jika pulang ke rumah, dia hanya datang untuk membawa bekal baju, marah-marah pada ibu lalu pergi lagi dalam jangka waktu yang lama.

Sebenarnya, ibu boleh saja mengugurkan kandungannya agar ayah kembali namun dia tidak melakukan hal itu. Ibu memilih untuk tetap mempertahankan bayinya sambil bekerja keras untuk membiayai keluarga yang saat itu terombang-ambing.

Akhirnya, ibu mendengar bahawa ayah menikah lagi dengan wanita lain. Saat itu, usia kehamilan ibu sudah menginjak lapan bulan. Disebabkan tekanan jiwa yang kuat, tekanan darah ibu naik. Ia memberi pengaruh yang sangat buruk kepada perkembangan janin. Ibu terpaksa dirawat agar kesihatan diri dan anak dalam kandungannya terjaga.

Apakah dengan keadaan seperti itu ayah akan peduli?. Tidak Atikah, dia sama sekali tidak peduli!.

Sehingga akhirnya doktor harus mengeluarkan janin ibu dengan lebih cepat kerana faktor kesihatan. Ayah saya tak pernah walau sekalipun menunjukkan batang hidungnya di depan ibu. Ibu dan anaknya yang baru lahir. Ya, anak itu adalah saya. Anak lelaki yang tidak diinginkan. Anak yang menyebabkan kedua-dua orang tuanya berpisah.

Patutlah abang saya sepanjang hidupnya tidak pernah sudi menerima kehadiran saya sebagai adik lelakinya. Dia sudah cukup besar saat orang tua saya berpisah dan sudah cukup mengerti akan masalahnya. Disebabkan itu, abang saya tidak pernah menyukai saya. Sejak saya kecil, tak pernah walau sekalipun dia berusaha mengenal atau bahkan bersikap ramah terhadap saya.

Sehingga ke detik ini, saya tidak pernah tahu bagaimana rupa ayah saya. Terakhir, saya mendengar dia telah meninggal dunia kerana penyakit stroke. Ibu yang saat itu bukan main kepalang sakit hati tidak pernah peduli lagi pada nasib ayah dan keluarganya yang baru. Sehinggalah suatu hari ada seorang anak perempuan datang ke rumah kami, memperkenalkan diri sebagai anak ayah saya. Ibu saya menangis dan mengusirnya pergi. Saat itu, saya belum mengetahui apa-apa. Saya menentang tindakan ibu yang saya anggap biadab.

Namun setelah ibu menceritakan segalanya kepada saya, akhirnya saya mengerti. Ternyata sayalah penyebab perpisahan dan hancurnya keluarga saya.

Kesedihan saya tidak dapat digambarkan dengan kata-kata. Disebabkan itu, saya selalu menyendiri sejak dari kecil. Hanya ibu yang membantu saya melalui segalanya.

Saya agak iri hati melihat jiran tetangga yang mempunyai keluarga bahagia. Berjalan-jalan setiap hujung minggu, makan bersama dan hal-hal wajar yang lainnya. Disebabkan itulah, saya katakan bahawa hidup saya ini tidak seindah seperti yang awak sangkakan. Saya membesar dengan keadaan seperti itu dan membuatkan saya menjadi seperti sekarang.

Atikah,

Perjuangan seorang ibu untuk melahirkan anaknya sangat berat. Sembilan bulan mengandung bukan hal yang mudah. Bayangkan sakitnya melahirkan dengan taruhan nyawa. Semua itu

tidak dapat digantikan dengan harta sebesar apapun. Saya tidak mahu mengajar awak atau menyuruh awak menganggap bahawa saya ini adalah orang yang paling benar.

Oh ya, saya jadi teringat akan satu cerita yang mungkin boleh saya kongsikan pada awak.

Saya mengenali seorang perempuan- tak perlu saya sebutkan namanya di sini. Dia pernah bercerita kepada saya, dia hanya pernah jatuh cinta sekali saja pada seorang lelaki. Atas nama cinta, dia menyerahkan segalanya kepada lelaki yang dia cintai bahkan keperawanannya. Dia menganggap lelaki itu adalah hidupnya.

Mimpi terburuknya pun datang. Dia hamil sedangkan lelaki itu malah pergi meninggalkannya, hilang dan lesap tanpa khabar berita. Dia hanya mampu bersimpuh pasrah!.

Kasih,

Perempuan itu terlalu lemah untuk marah. Hatinya sudah terlanjur sakit. Orang yang dia cintai menjadi orang yang paling dia benci. Dia merasa hina, jijik pada tubuhnya sendiri. Sudah jatuh, ditimpa tangga!. Orang tuanya tahu akan perkara itu dan telah menghalaunya keluar dari rumah. Fikirannya melayang entah ke mana. Boleh dikatakan dia separuh gila! dan entah syaitan mana yang telah merasukinya saat itu. Dia sanggup mengugurkan janin dalam kandungannya!.

Tragis!.

Janin-janin itu hidup Atikah!. Janin-janin yang akan menjadi manusia. Mereka menunggu untuk lahir!. Berbeza dengan ibu saya yang bertahan untuk melahirkan saya dan perempuan itu malah mengugurkan bayinya. Bayi itu tidak pernah melihat dunia.....

Jika orang berkata hidup itu pilihan, semestinya kita boleh memilih untuk hidup dan dilahirkan dari siapa.....

Memang manusia boleh memutuskannya. Contohnya ibu awak. Dia boleh saja memutuskan untuk tidak melahirkan awak dan tiga orang kakak awak namun dia tetap melahirkan kalian. Dia membuat keputusan rela mengandung dan bertaruh nyawa.

Jika dia memang perempuan jalang, untuk apa dia memiliki kalian?. Hanya menambah beban saja. Ada sesuatu yang ibu awak simpan. Ada alasan kenapa dia melahirkan awak.

Saya belum tahu jawabannya. Mungkin nanti awak sendiri boleh menemukan jawabannya.

Maaf, jika saya terlalu serius dalam membalas surat ini. Saya tidak marah. Awak memang tidak punya pilihan untuk dilahirkan dari keluarga seperti apa. Namun awak mampu mengambil keputusan. Keputusan yang awak ambil membuatkan awak tetap bertahan di samping ibu awak dan menjaganya.

Sudahlah, jangan mengeluh!.

Begitulah manusia zaman sekarang. Selalu melihat keburukan tanpa melihat kebaikan-kebaikan yang mungkin terselubung. Jangan seperti itu, Atikah. Saya yakin yang awak bukan orang seperti itu.

Abang saya telah berkeluarga dan saya sudah jarang bertemu mereka. Sedangkan ibu saya.... hummmm, saya ingin sekali menjenguknya setiap minggu atau sebulan sekali tetapi sekarang saya hanya boleh bertemu dengan ibu setahun sekali. Apa yang boleh saya lakukan adalah hanya berdoa dan menaburkan bunga di pusaranya.

Ya, ibu saya telah meninggal dunia.

Saya sudah terbiasa hidup sendiri. Saya tidak mempunyai kawan rapat yang boleh saya ajak berkongsi cerita. Saya orang yang tidak mudah percayakan sesiapa. Penuh kecurigaan, seakan-akan saya penyihir yang boleh membaca fikiran orang padahal itu semua hanyalah anggapan saya saja.

Tetapi walau bagaimanapun, manusia itu adalah makhluk sosial yang perlu berkomunikasi. Jika tidak?. Ya, mati.

Lisan saya kurang bagus, saya boleh gugup dan membisu jika bertemu dengan orang apatah lagi di tempat yang ramai. Saya tak suka berbasa-basi kerana itulah saya mula menulis. Saya lebih gembira jika orang tidak perlu bertemu dengan saya tetapi masih boleh berbicara dengan

saya. Saya memulakan kehidupan dari sana. Saya membuka diri saya pada orang lain dan membuat mereka percaya kepada saya.

Saya bahagia meskipun saya tidak pernah tahu adakah yang mereka ceritakan itu adalah benar atau kebohongan belaka.

Saya tidak pernah pedulikan itu semua.

Saya hanya yakin kalau tindakan saya itu adalah benar.

Tetapi suatu perasaan baru mulai muncul. Saya sedar jika yang bercerita kepada saya adalah orang yang sudah mengisi kepala dan hari-hari saya, rasanya ada juga ketakutan. Takut jika dia membohongi saya, takut dia hanya bayangan dari imaginasi saya saja. Ah.....sudahlah.... abaikan saja kebimbangan saya itu.

Seterusnya, saya ingin lebih mengenali awak Atikah.

Berceritalah lagi.....

Rizal Affandi

Rizal Affandi

29 Januari 1994

Kepada Rizal Affandi

Untuk sesaat, saya hanya boleh melompong ketika membaca isi tulisan awak.

Ya Allah, bulu roma saya meremang.

Bukan kerana takut atau apa tetapi cerita awak membuatkan saya berfikir dengan lebih luas tentang sosok seorang ibu. Betapa kuatnya ibu awak menghadapi dugaan dan akhirnya awak membesar menjadi seseorang yang berguna untuk orang lain.

Semua ini pasti berkat jasa seorang ibu yang membimbing anaknya menjadi seorang yang baik tanpa pedulikan masalah di sekitarnya.

Selama ini saya menganggap ibu saya adalah wanita paling bodoh yang pernah saya kenal. Ibu memang tidak pernah tumbuh dan hidup bersama anak-anaknya. Dia bebal dan menyakitkan hati bahkan mungkin ibu saya adalah ibu yang paling bodoh yang ada di dunia.

Namun nyatanya, sebodoh-bodohnya ibu kini saya sedar, dia masih mempertahankan kami semua, tidak mengugurkan kandungan seperti seseorang yang telah awak ceritakan kepada saya.

Riz, sekarang saya ingin mencari Ara. Hanya itu yang sekarang saya fikirkan. Demi ibu, untuk ibu.

Sejujurnya, jauh di dalam lubuk hati, saya sedih melihat keadaan ibu. Awak benar, saya tidak sejahat itu, tidak sesanggup itu pada wanita tua yang lemah ini. Entah apalah yang dideritanya saat ini, fizikalnya semakin membimbangkan. Bahkan dia semakin sering memuntahkan darah segar dari mulutnya.

Namun saya masih berharap pada Tuhan. Jika sebesar ini penderitaannya, ambil sajalah nyawanya dengan segera. Bukan kerana saya muak menjaganya tetapi kerana saya tidak sanggup melihat penderitaannya.

Riz, seandainya kelak Ara kembali, mungkinkah keadaan ibu akan jadi lebih baik?. Dan mungkin setelahnya, ibu boleh meninggal dengan tenang seperti yang ada di dalam filem-filem yang sebelum ini saya tonton?.

Saya memang tidak pernah mengenali rupa seorang ayah.

Namun jika ayah saya bersikap seperti ayah awak, mungkin isi surat ini akan jauh lebih sinis daripada sekarang. Atau mungkin saya tak akan pernah mengirinkan surat kepada awak. Saya memang berharap dapat mengenalnya tetapi tak sudi jika nyatanya ayah saya itu seperti ayah awak. Ah tidak!!. Lebih baik saya hidup bersama ibu yang tidak pernah ambil berat tentang saya daripada harus bersama dengan seorang ayah yang jahat!.

Malang sungguh nasib awak Riz. Saya merasakan nasib kita sama.

Riz, sebelumnya saya tak pernah merasa sebeb ini, bercerita tentang susah payah hidup ini kepada orang lain. Hanya kepada awak saja saya boleh begini, entah apa alasannya. Membaca balasan awak, meneliti cerita awak membuatkan saya sangat dekat dengan awak.

Semoga saja saya tak akan jatuh cinta pada awak kerana seumur hidup saya tak pernah merasakan hal itu. Entah mengapa, tiba-tiba saja pipi saya terasa sangat merah bahkan menulis tentang 'cinta' saja membuatkan saya malu. Bagaimana jika mengalaminya?. Hahaha..... memalukan!.

Maaf, saya terlalu lantang.

Riz, dari khabar terakhir yang saya tahu, Ara sekarang menetap di Kuala Lumpur. Bukankah awak tinggal di Kuala Lumpur?. Bolehkah awak membantu saya mencari Ara?. Saya tidak pernah tahu seluas apa ibu kota Kuala Lumpur tetapi saya berharap keajaiban akan muncul, membawa awak bertemu dengan kakak perempuan saya, Ara. Semoga awak boleh memintanya untuk pulang, setidaknya agar dia boleh bertemu ibu untuk kali yang terakhir. Mungkin.....ada hal yang ingin ibu saya sampaikan pada Ara.

Maaf, keinginan saya ini terlalu mengada-ngada.

Hanya sedikit maklumat yang saya tahu tentang Ara. Seorang jiran tetangga yang bekerja di Kuala Lumpur pernah melihatnya di sebuah shopping mall, berpakaian seksi, berpegangan tangan dengan seorang lelaki yang kakak. Jiran saya kata, dia cuba memanggil Ara berkali-kali tetapi Ara tidak mahu menoleh ke arahnya.

Saya rasa jiran saya ini mungkin sedang berhalusinasi kerana setahu saya, Ara pergi meninggalkan rumah tanpa membawa sehelai pakaian pun. Apa yang dia kenakan pada hari itu hanyalah seluar jeans lusuh dan baju T. Dan setahu saya, Ara bukanlah perempuan yang suka berpakaian terdedah. Boleh jadi, jiran saya salah orang. Namun bagaimana kalau itu benar-benar Ara?.

Sekarang, saya hanya boleh berharap suatu hari nanti dia akan datang. Setidaknya, datang menjenguk saya di sini jika dia benar-benar sudah membenci ibu.

Kami berdua sangat rapat seperti adik beradik lain yang saling memerlukan antara satu sama lain. Jika saya ditimpa masalah di sekolah, Ara selalu menjadi orang pertama yang datang membela saya. Walaupun terlihat lemah kerana badannya yang kecil, sesungguhnya Ara adalah perempuan yang sangat kuat dan berjiwa besar.

Saya ingat lagi, dulu begitu ramai lelaki yang memburunya, memuja kecantikannya. Namun kakak saya selalu menolak ajakan mereka dengan alasan;

"Aku sibuk menjaga adikku."

Kerana itu, saya merasa sangat hairan saat dia memutuskan untuk pergi, meninggalkan saya yang sangat memerlukannya. Entah apa yang ada di dalam fikiran Ara. Bahkan, ketika dia pergi, tiada sepele kata pun dia ucapkan untuk saya.

Riz, surat ini tidak saya selesaikan dengan sekali duduk. Saya baru saja kembali dari membersihkan muntahan ibu. Ya, lagi-lagi darah segar itu keluar dari mulutnya. Sekujur tubuh ini merasa ngilu saat melihatnya. Ke mana harus saya membawa ibu agar sembuh?.

Tunggu.

Sembuh?. Tidak!. Tidak!. Jangan sembuh!. Saya hanya ingin ibu mati saja.....saya tak sanggup melihat ibu menderita.

Riz, anehkah saya ini?. Seperti ada dua kubu di dalam fikiran saya, yang satu menginginkan ibu sembuh dan yang satunya lagi berharap ibu agar cepat mati. Jadi apa yang harus saya lakukan?.

Riz, saya tadi memarahi ibu.

Tanpa sedar, saya menyumpahinya. Saya sangat marah. Bagaimana tidak,saya kelelahan membersihkan muntahnya, ibu malah menjerit-jerit memanggil Ara. Awalnya saya menjawab "Ara tak ada ibu".

Namun tiba-tiba dia berteriak dengan sangat kuat, memekakkan telinga 'Syaharaaaaaa!!!'. Ya Allah, ingin saja saya memukul tubuh lemah ibu yang tidak ada apa-apa kekuatan jika hendak dibandingkan dengan tubuh saya.

Ah, sia-sia saja kalau marah. Ibu terus-menerus berteriak memanggil nama Ara tanpa mempedulikan kata-kata saya yang cukup pedas. Benteng pertahanan emosi saya luluh juga saat melihat mulutnya tiba-tiba berhenti berteriak dan tubuhnya terkulai lemah tak berdaya.

Akhirnya darah yang menggenang di lantai bersih juga.

Entah sampai bila ini akan terjadi. Saya tak sanggup lagi membawanya pergi berubat, kewangan juga semakin menipis. Lagipun jawapan doktor selalu sama, ibu terkena gangguan jiwa. Sementara gejala-gejala yang terjadi pada tubuhnya berlaku kerana kurang pengambilan makanan yang berzat. Saya muak dengan segala jawapan itu, saya tertekan.

Riz, maafkan saya yang tidak henti-henti berkeluh-kesah seperti ini. Hanya awak satu-satunya penglipur lara yang menyerikan hidup saya. Saya begitu tak sabar menanti posmen datang mengirinkan surat balas dari awak. Sampai hati awak kalau ternyata awak tidak membalasnya lagi!.

Oh ya, awak tahu tak?

Rasanya saya seperti punya harapan baru.

Berharap pada sepucuk surat yang isinya selalu membuatkan hati saya terasa lebih damai. Saya bukan seorang yang suka berharap bahkan pada Tuhan sekalipun. Apa yang saya lakukan hanyalah menerima, menerima dan menerima. Pasrah. Berikan harapan untuk mengubah nasib pun tak pernah terlintas di fikiran saya.

Namun pada awak, nyatanya saya berharap.

Saya berharap awak akan selalu menghadapi segala keluhan ini dan memberikan pencerahan kepada saya seperti surat-surat yang sudah awak tuliskan sebelum ini.

Saya harap awak di sana akan selalu sihat, Rizal.

Suatu saat kita harus bertemu.

Ya, kita akan bertemu.

Atikah

Atikah Syuhada

15 Februari 1994

Untuk Atikah

Untuk Atikah,

Semoga ketika membaca surat ini, awak dalam keadaan sihat selalu.

Saya tersenyum ketika awak bicara soal cinta.

Itu sudah sewajarnya untuk perempuan seusia awak. Saya boleh bayangkan bagaimana wajah awak ketika pipi awak memerah.

Atikah, saya jadi teringat pada seorang gadis yang bernama Linda. Dulu, dia mengirim surat kepada saya. Dia masih bersekolah, tingkatan satu di salah sebuah sekolah menengah negeri. Dia kata, dia menyukai salah seorang kawan sekelasnya. Nama lelaki itu adalah Hafiz. Linda terlalu malu untuk menunjukkan rasa sukanya dan dia tidak pernah bercakap walau satu patah kata pun dengan Hafiz. Pernah mereka saling bertentangan mata dan awak tahu Atikah?. Muka Linda terus memerah dan bodohnya, dia malah berlari ketakutan seperti melihat hantu. Linda boleh sebisu itu di depan Hafiz. Bahkan untuk berbasa-basi juga dia tidak mampu.

Linda kata, Hafiz itu adalah lelaki yang pintar, markahnya selalu bagus.

Namun Hafiz pendiam, tidak terlalu menonjol di kelas. Tidak seperti Linda yang meskipun pemalu di depan Hafiz kerana selalu menjadi bahan ejekan kawan-kawan sekelas mereka, Linda selalu berusaha mencari perhatian namun semuanya hanya sia-sia. Tidak sedikit pun Hafiz menghiraukannya. Naik ke tingkatan dua, mereka tidak lagi sekelas. Beban perasaan Linda sedikit berkurang-setidaknya, mereka tidak perlu bertemu setiap hari dan Linda tidak perlu salah tingkah.

Tapi, ya.....

Walau bagaimanapun, mereka tetap satu sekolah. Kadang-kadang Hafiz datang ke kelas Linda, menemui sahabatnya-Taufiq yang sekelas dengan Linda. Meskipun awalnya janggal, Linda cuba berubah. Dia mula mencuba tersenyum kepada Hafiz. Dia berfikir, bagaimana Hafiz boleh mengetahui perasaannya jika tidak pernah ditunjukkan atau diucapkan?. Hafiz bukannya ahli nujum yang boleh tahu perasaan seseorang.

Namun harapan Linda hancur seketika kerana senyumannya tidak dibalas. Hafiz malah melemparkan renungan dingin ke arah Linda. Huh, hebat sangat ke Hafiz itu sampaikan Linda rela merendahkan dirinya sebegitu?. Apa yang istimewanya?.

Saya cuba menyemak cerita Linda dengan lebih dalam. Linda sendiri tak tahu mengapa dia boleh menyukai Hafiz. Bahkan dia sampaikan sanggup menolak lelaki yang terang-terangan menyukainya. Ada keyakinan yang dia simpan terhadap Hafiz.

Entah, apakah saya harus kasihan atau mengagumi dan memuji Linda?.

Sehingga tamat belajar, Linda tidak pernah mengungkapkan rasa sukanya. Tiga tahun dia memendam perasaan itu. Tanpa ditunjukkan sama sekali.

Suatu hari, setelah keputusan SPM keluar, Linda harus kembali ke sekolah untuk mengambil sijilnya. Sekolah tidak ramai seperti biasa kerana hari itu hari Sabtu. Tidak memerlukan waktu yang lama, urusan penyerahan keputusan selesai. Disebabkan tiada keperluan lain, Linda berniat untuk pulang ke rumah.

Namun, di depan pintu gerbang sekolah, ada suara seorang lelaki memanggil namanya, membuatkan langkahnya terhenti.

"Linda!!!."

Dia sangat mengenali suara itu. Dia terus menoleh ke belakang. Hatinya bergetar hebat. Matanya berkaca-kaca ketika dugaannya itu ternyata benar. Itu adalah Hafiz!. Buat pertama kalinya, selepas tiga tahun akhirnya Hafiz memanggil namanya. Baginya, itu adalah suatu hal yang sangat bererti, melebihi apapun. Hafiz melemparkan senyuman, meraba beg galasnya dan mengeluarkan sepucuk surat. Dia menyerahkan surat kepada Linda dan tanpa berkata apa-apa, Hafiz terus pergi.

Linda tersentak, kakinya lemas. Surat itu tidak lekas dibukanya. Sepanjang perjalanan pulang, Linda tertanya-tanya, apakah isinya?. Apakah membahagiakan atau menyedihkan?. Sampai di rumah, Linda berlari ke bilik tidurnya, menutup pintu lalu melompat ke atas katil. Dengan sangat berhati-hati, dia membuka sampul surat itu, tidak mahu merosakkannya. Dia mengeluarkan sehelai kertas di dalamnya dan mulai membaca.

Jantungnya berdegup makin kencang. Tanpa terasa, air matanya menitis saat dia berkedip. Hafiz menulis, sebenarnya dia juga menyukai Linda sejak tingkatan satu namun dia tidak berani mengatakan hal itu dan berbuat apa-apa. Dia malu kerana Linda disukai oleh ramai

kawan-kawannya. Saat mereka berpisah di tingkatan dua, Hafiz merasa kehilangan dan sengaja sering datang ke kelas Linda. Mujurlah sahabat baiknya yang bernama Taufiq itu sekelas dengan Linda. Dia datang hanya untuk melihat wajah Linda dan memastikan Linda baik-baik saja. Ketika Linda melemparkan senyuman, Hafiz tidak tahu harus berbuat apa. Dia takut salah anggap. Mana mungkin orang seperti Linda menyukainya, anak lelaki pemalu yang ulat buku?.

Atikah, awak pasti akan bertanya, bagaimana akhirnya mereka?.

Linda dan Hafiz tidak berjaya disatukan walaupun keduanya cuba menyatu asa dan harapan.

Setiap orang mempunyai persepsi berbeza dalam memahami sesuatu. Kebanyakan dari kita hanya beranggapan dan anggapan itu sering saja terdorong ke arah sesuatu yang negatif, menjadi prasangka. Hanya kerana ego masing-masing, hanya kerana mereka selalu merasa betul.

Memang sukar untuk selalu berprasangka baik terhadap orang lain. Apa yang selalu nampak di mata kita adalah keburukan bukan kebaikan. Terutama jika kita tidak mengenali orang itu.

Atikah, saya juga ingin minta maaf jika mengambil masa terlalu lama untuk membalas surat ini. Entah, mungkin awak juga telah berprasangka yang bukan-bukan kepada saya?.

Beberapa hari yang lalu, Mak Jah, pembantu rumah saya meninggal dunia. Pagi itu, ketika saya bangun, tak biasanya rumah saya berselerakan. Aneh, saya terus memeriksa ke dalam bilik tidurnya. Mak Jah terlihat masih tertidur di atas katilnya. Saya cuba membangunkan dia tetapi dia sudah tidak bergerak, badannya dingin. Saat saya membalikkan badannya ternyata dia sudah tidak bernyawa. Matanya terbeliak.

Tiada seorang pun yang tahu apa penyebabnya, Mak Jah tak pernah memberitahu saya punca penyakitnya. Selama bekerja di rumah saya, dia sihat-sihat saja. Diringkaskan cerita, saya menghantarkan jenazahnya kepada keluarganya yang berada di luar kota. Setelah itu, baru saya boleh membalas surat awak ini.

Terima kasih jika awak tidak berprasangka buruk dan masih mahu menunggu balasan surat saya.

Atikah, awak mesti penat menghadapi karenah ibu awak. Suatu hari, jika awak mengizinkan, saya ingin membantu awak di rumah. Hummmm jika doktor pun sampai tidak tahu apa penyakitnya dan jawapannya selalu sama, kemungkinan ada sesuatu yang lain.

Namun ini hanya tanggapan saya saja. Mungkin kerana ilmu hitam?. Atau orang-orang biasa menyebutnya sebagai guna-guna atau sesuatu yang berhubung dengan hal ghaib atau mistik.

Ah, sudahlah!. Tidak perlu dibahas sekarang.

Tentang ibu awak yang sering mengigau memanggil Ara, saya rasa awak tidak perlu ambil serius sehingga mahu mencari dan membawanya pulang. Apa yang saya tahu, mengigau itu adalah lumrah yang mungkin disebabkan kurang tidur, demam atau penggunaan ubat-ubatan tertentu. Ditambah pula dengan tekanan emosi atau stress.

Lantas, kenapa Ara yang dia ingat?. Mungkin Ara yang terakhir dia lihat dan dia ingat saat keadaannya makin sihat. Itu mungkin saja kan Atikah?.

Jadi, awak bertenanglah.

Ehh ya, siapa kata saya tinggal di Kuala Lumpur?. Hahahaha!.

Saya tinggal di planet bumi. Di tempat saya ada sebatang pohon besar dan tinggi dan ada sebuah rumah pohon yang tidak terlalu besar tapi hangat. Saya tinggal di sana dengan julukan nama 'Manusia Pohon'.

Itu khayalan saya sewaktu kecil Atikah.

Saya ingin mendengar khabar dari awak lagi. Cepatlah balas ya....

Rizal Affandi

Rizal Affandi

20 Februari 1994

Kepada Rizal Affandi

Riz, terlalu lama awak tidak membalas surat saya.

Saya sangkakan tak akan pernah ada lagi jawapan-jawapan di atas segala pertanyaan bodoh saya melalui surat itu. Saya turut berduka di atas kematian Mak Jah, orang yang paling rapat dengan awak. Semoga saja arwah Mak Jah diterima di sisiNya.

Riz.....

Saya kehilangan arah. Bukan kerana tidak menerima surat dari awak tetapi kerana kejadian-kejadian yang terjadi di rumah sejak kebelakangan ini. Awak kehilangan beberapa detik. Seandainya surat awak sampai lebih cepat mungkin semua itu akan cepat saya kongsi dengan awak. Namun saya akan tetap menceritakannya, mudah-mudahan saya kuat.

Riz, Ara pulang.

Ya, Ara muncul secara tiba-tiba, begitu saja bagaikan kilat yang menyambar.

Kakak perempuan saya itu pulang dalam keadaan pucat lesi, berlinangan air mata dan menjerit tatkala melihat ibu terlelap di tempat tidurnya.

Tanpa menyapa saya, dia berteriak seperti melihat hantu saat mendapati ibu ada di bilik tidurnya. Lalu dia berlari ke biliknya sendiri dan mengunci pintu dari dalam.

Saya hanya mampu berbicara dari luar bilik, menanyakan apakah dia baik-baik saja dan dia hanya meraung di dalam sana tanpa menjawab satu pun pertanyaan saya.

Keesokan harinya, Ara keluar dari biliknya dengan wajah bengkak seperti baru lepas dibelasah dan dipukul. Rupanya dia terus menerus menangis semalaman walaupun saya tak tahu apa yang sebenarnya dia tangisi. Pagi itu, akhirnya dia menyedari kehadiran saya dan ketiadaan nenek di rumah ini.

Kakak perempuan saya itu kembali menangis setelah mengetahui pemergian nenek. Dia lalu menghampiri saya dan dipeluknya tubuh kering saya ini sambil terus menangis.

Ada yang berbeza dari Ara. Wajah pucat dan bibirnya terus bergetar bagaikan orang sakit. Awalnya dia tidak mahu bercerita tetapi saya tertanya-tanya dan terus mendesaknya. Sehingga kemarahan saya memuncak di kepala kerana dia tetap menggeleng saat saya mendesaknya untuk menceritakan apa yang sebenarnya terjadi.

"Sebenarnya apa yang kau nak kak?. Kau pergi tanpa izin dan sekarang kau balik buatkan kepala aku makin pening kak!!. Kau jahat kak!!. Cuba kau berada di posisi aku kak!."

Untuk kali pertama, saya membentak kakak saya dan dia pula hanya mengelamun melihat reaksi yang tak biasa dilihatnya. Bagaimana tidak?. Sudah bertahun-tahun dia pergi meninggalkan saya di rumah ini dan sekarang dia kembali dengan keadaan seperti orang gila. Tak ada bezanya dengan ibu.

Akhirnya, Ara membuka mulut.

Setelah dia bercerita panjang lebar, saya nyaris pengsan.....saya tak percaya!. Sungguh!!.

Riz, kakak saya menjadi pelacur.

Dia mengakui itu.

Dia kata, dia tiada pilihan lain selain melacurkan diri. Dia tak boleh mendapatkan sebarang pekerjaan di Kuala Lumpur dan satu-satunya hal yang boleh dia lakukan adalah....melacur diri.

Tapi bahkan bukan itu yang menjadi masalah utama Riz.

Ya, ibu saya yang tergolek sakit di dalam rumah ini mendatangi Ara di suatu tempat tatkala Ara hendak menginap bersama seorang pelanggannya. Saya ingin mengabaikan kata-kata kakak saya tetapi akhirnya saya percaya kerana Ara ketakutan dan terus menangis saat menceritakan itu.

Ara fikir ibu telah meninggal dunia. Ara fikir yang dia lihat itu adalah hantu dan niat Ara pulang adalah untuk menziarahi pusara ibu.

"Apa yang ibu lakukan saat bertemu dengan kau kak?." Saya bertanya.

Ara menjawab;

"Ibu berdiri di atas meja TV, melutut dengan keadaan wajah dan rambutnya mengembang lalu ibu menjerit; pulang!."

Lalu ibu menghilang begitu saja, menembusi dinding bilik.

Ara menggedikkan bahu. Saat itu, dia melihat titisan darah di baju ibu yang berwarna putih lusuh. Dia menjerit-jerit sehingga pelanggannya gusar kerana tidak melihat apapun yang Ara tunjukkan. Akhirnya pelanggan itu pergi meninggalkan Ara sendirian di kamar tanpa meninggalkan wang satu sen pun.

Menurut pertuturan Ara, kejadian itu terus berlanjutan sehingga ke bilik yang disewanya. Ara akhirnya menyimpulkan bahawa ibu telah meninggal dunia dan kemunculan demi kemunculan roh ibu di hadapannya itu adalah sebuah isyarat bahawa ibu ingin dia berziarah ke pusara ibu.

Huhhhhhh Riz.....keadaan ibu sendiri sekarang seakan-akan mayat hidup. Entah hidup.....entah mati.

Namun awak tahu?. Tiba-tiba saja muncul sedikit keinginan di hati saya agar ibu tidak perlu mati dulu. Rasanya banyak sekali pertanyaan yang belum sempat terjawab. Saya tidak mahu ibu mati dalam keadaan kami masih ditinggalkan dengan seribu pertanyaan. Awak pasti hairan kan dengan alasan itu.....atau justeru tidak masuk akal?.

Ada suatu hal yang juga mengejutkan bagi saya, Riz kerana kebelakangan ini, Ara tinggal di rumah bersama saya menguruskan ibu. Kami jadi banyak berbual. Saya banyak bertanya kepadanya tentang hidupnya di Kuala Lumpur atau kejadian masa lalu yang belum saya fahami.

Awak ingat lagi tak?. Saya pernah menceritakan kepada awak bahawa Ara pergi meninggalkan rumah kami setelah ibu mengajaknya ke suatu tempat. Saya menyangka Ara lari kerana ibu akan menjualnya pada lelaki hidung belang. Saya sangkakan itu yang membuatkan Ara terpuakul, ketakutan dan akhirnya lari dari rumah.

Ternyata semua itu salah Riz.

Ara memberitahu kepada saya kalau saat itu.....ibu membawa Ara untuk bertemu dengan ayah kandungnya.

Ya Allah!. Ini betul-betul membuatkan kepala saya pening.

Jadi, saat itu ibu membawanya ke bandar Melaka. Di sana ada seorang lelaki yang duduk di atas kerusi. Lelaki itu jelas berasal dari luar negara. Lelaki itu tidak bersendirian, di sampingnya ada seorang wanita cantik berambut perang yang mungkin adalah isterinya.

Awalnya, Ara berfikir sama seperti saya, menduga ibu akan menawarkannya seperti barang jualan. Namun dugaan kami salah. Ibu memperkenalkan lelaki itu sebagai ayah kandung Ara. Ibu juga meminta Ara bersiap untuk ikut pasangan tersebut pulang ke Jerman. Mereka berbual, Ara tidak mengerti. Ibu yang menterjemahkan bahawa segala dokumen perjalanan Ara akan disediakan secepat mungkin.

Kemampuan berbahasa Inggeris yang minimum telah membuatkan Ara tidak begitu memahami perbualan di antara mereka bertiga. Apa yang ada di dalam kepalanya adalah lari!.

Ara mengakui bahawa dia sangat merindukan sosok seorang ayah dalam hidupnya sama seperti yang selama ini saya rasakan tetapi jika harus pergi secara tiba-tiba tanpa mengenal baik siapa lelaki itu, dibawa ke sebuah tempat yang sangat jauh dari tanah kelahirannya, satu-satunya pilihan yang dia ada adalah lari.

Hampir semua orang memerlukan proses yang cukup panjang untuk mampu menerima suatu keputusan besar dengan baik. Namun sayang, ibu tidak mencuba menjalankan proses itu. Ibu tahu kemahuan anak-anaknya tetapi tidak tahu bagaimana caranya mewujudkan itu dengan baik.

Setelah pertemuan itu, Ara terus-menerus memaki ibu. Dia mendesak ibu agar menceritakan semuanya. Namun ibu terdiam tak ada bezanya dengan saat ini. Dia memilih diam dan tidak menjelaskan apapun. Ini yang membuatkan Ara naik pitam. Akhirnya kakak saya telah membulatkan tekad, mewujudkan niat yang sudah terlintas di dalam fikirannya saat bertemu dengan sang ayah iaitu pergi.

Dia sangat marah pada ibu.

Namun dia sendiri menyerah pada keadaan. Dia ternyata tidak mempunyai daya sehingga terpaksa menjaja diri untuk hidup.

Ara sebenarnya pintar tetapi sama seperti saya, dia tidak mempunyai sebarang sijil untuk bekerja di syarikat besar. Pendidikannya hanya sampai SPM saja.

Tiba-tiba sesuatu terlintas di fikiran saya dan saya mengungkapkan kepadanya.

"Kak, mungkin ibu mengajak kau menemui ayah kandung kau untuk kebaikan kau kak. Ibu tahu kau bijak dan mungkin jika kau pergi ke Jerman, kau boleh melanjutkan pengajian kau dan kuliah di sana."

Selepas itu Ara menangis. Mungkin niat baik ibu baru terfikir olehnya. Lalu si keras hati Ara masuk ke dalam bilik ibu. Dia bersimpuh di bawah, di samping tubuh longlai ibu, menangis sekuat-kuatnya.

"Ibu, bangun bu!. Ara ingin bercakap dengan ibu. Maafkan Ara....ibuuuuu!!!."

Riz, masih banyak hal yang ingin saya ceritakan kepada awak tapi tangan saya sudah penat untuk menulis. Mungkin nanti saya akan lanjutkan lagi.

Hmmmm, saat ini saya tidak lagi memikirkan tentang cinta tetapi terima kasih telah menceritakan kisah cinta yang tak kesampaian itu kepada saya. Menyedihkan tetapi agak kelakar. Awak juga menceritakannya seolah-olah pernah mengalaminya. Jangan-jangan itu memang pengalaman awak Riz?. Jangan marah.....hehehehe.

Jika Kuala Lumpur bukan tempat tinggal awak lalu mengapa surat-surat yang saya kirimkan ini sampai ke tangan awak?. Hahahaha....saya mengirimkannya ke sebuah alamat di Kuala Lumpur dan tentu saja itu adalah alamat rumah awak.

Ehh atau ini hanya sekadar gurauan awak semata-mata?. Ya, mungkin saya terlalu bodoh untuk memahami segala senda gurau disebabkan oleh permasalahan sialan ini, Riz.

Semoga surat-surat awak akan terus datang kerana hanya itu yang saya tunggu. Setidaknya, saya akan berhenti dari terus-menerus asyik memikirkan semua kegilaan keluarga saya ini.

Terima kasih kerana selalu ada untuk saya.

Atikah

Atikah Syuhada

26 Februari 1994

Untuk Atikah

Saya merinding saat membaca surat awak kali ini.

Ara-kakak yang awak cari tiba-tiba saja datang dan dia menyangka ibu awak sudah meninggal dunia, menghantuinya?.

Tetapi ternyata ibu awak masih ada di tempat tidurnya?.

Segala prasangka buruk awak ternyata terbukti salah. Ibu awak tidak menjual Ara.

Ara malah dipertemukan dengan ayah kandungnya.

Rumit.

Tapi, apakah lelaki itu adalah ayah awak juga?. Jika bukan berarti mungkin persepsi orang-orang kampung terhadap ibu awak benar bahawa awak dan kakak-kakak awak yang lain mempunyai ayah yang berbeza. Awak sendiri pernah cakap kan Atikah bahawa muka kamu semua tidak ada yang mirip.

Semakin lama, surat-surat awak ini semakin menarik. Seperti siri detektif. Saya bagaikan menyusun potongan-potongan puzzle yang penuh misteri dan itu membuatkan rasa ingin tahu saya semakin menjadi-jadi.

Siapa sebenarnya ibu awak?.

Ouhh ya, saya rasa awak sudah mula terbiasa dengan situasi ini. Saya gembira mendengar kata-kata yang awak ucapkan kepada Ara. Itu bijak sekali!. Bagus!. Saya merasakan awak semakin mirip dengan saya. Ternyata, awak juga boleh menenangkan orang dan memberinya nasihat.

Atikah, tadi saya sempat berhenti menulis kerana mendengar ada yang membuka pintu dan berkeliaran di luar bilik ini.

Saya keluar dan memeriksa tetapi tidak ada sesiapa. Saya berjalan mendekati dapur dan saya melihat pintu bilik Mak Jah, arwah pembantu rumah saya sudah terbuka lebar. Semenjak Mak Jah meninggal dunia, ruangan itu tertutup rapat dan tidak pernah saya buka.

Tambahan pula, saya sudah mengemas semua sudut rumah saya. Tidak ada orang, hanya saya sendirian.

Saya masih mencuba untuk berfikiran rasional, mungkin itu disebabkan oleh angin atau tikus besar tetapi hati kecil saya berkata; pasti hantu!. Mungkinkah itu roh arwah Mak Jah?.

Wajar jika saya menduga seperti itu kerana sudah menjadi kebiasaan kalau setiap petang Mak Jah selalu membuatkan teh hangat dan saya meminumnya di meja makan. Mak Jah juga biasanya menarik kerusi dari meja makan untuk saya setelah menyajikan teh dan biskut di meja makan.

Salah seorang kawan saya pernah kata jika ada yang meninggal pada hari Sabtu, biasanya dia suka mengajak orang terdekatnya untuk mati dan awak tahu tak Atikah?. Mak Jah meninggal dunia pada hari Sabtu. Ahhhhh mengarutlah!!. Itu semua kepercayaan tahyul!.

Belum genap empat puluh hari Mak Jah meninggal dunia.

Dan kata orang, roh masih ada di sekitar kita. Atikah, saya menulis surat ini sambil sesekali menoleh ke belakang. Saya mula merasakan seperti ada yang berdiri di depan pintu kamar, menunggu saya dan akan berkata; " Tehnya sudah siap di meja....."

Saya jadi terfikir tentang keadaan ibu awak sekarang. Ara kata, dia didatangi oleh ibu awak dengan wujud yang sangat menyeramkan, menyuruhnya pulang bahkan dia menyimpulkan bahawa itu adalah hantu ibu awak.

Ini yang terlintas dalam fikiran saya sekarang. Mungkin ibu awak sudah koma Atikah.

Bapa saudara saya pernah mengalami satu kejadian yang sangat mirip dengan keadaan ibu awak sekarang.

Saat itu, pak cik dan mak cik saya membonceng sebuah motorsikal menuju ke Skudai. Di tengah perjalanan, motor mereka hilang kawalan. Dari arah berlawanan, ada bas yang tiba-tiba muncul, menyusul kenderaan lain. Pak cik saya terpelanting dan terjatuh, terseret beberapa meter di jalan.

Mak cik saya pula terjatuh dari motor dan kepalanya terkena batu.

Saat pak cik saya tidak bergerak, warga sekitar menganggapnya telah mati. Namun nyatanya, pak cik saya masih boleh berdiri. Hal yang pertama dia cari tentu saja adalah isterinya dan dia melihat isterinya terkujur kaku di jalan. Pak cik terus berjalan terhuyung-hayang menghampiri mak cik.

Wajahnya makin pucat ketika melihat wajah mak cik.

Darah mengalir dari kening ke pipi mak cik sehingga membasahi tangan pak cik yang memegang wajahnya. Mata mak cik masih terbuka. Bibirnya bergetar. Lirih terdengar, mak cik mengatakan sesuatu. Pak cik mendekatkan telinganya.

"Sakit.....sakit....." Begitu bisikan mak cik.

Pak cik terus berteriak meminta bantuan warga untuk menghantar mak cik ke hospital terdekat. Dia sudah tidak peduli siapa yang salah. Apa yang jelas, nyawa isterinya terancam. Meskipun pendarahannya sudah parah, bersyukurlah mereka tiba di ruangan ICU tepat pada waktunya ketika mak cik masih lagi meraung kesakitan. Doktor terus melakukan tindakan, membawanya ke bilik bedah. Namun setelah itu, mak cik saya tidak pernah sedar lagi. Ya, mak cik koma.

Doktor kata sebaiknya pak cik dan kaum keluarga terdekat terus mengajak mak cik untuk berbicara.

Pak cik saya patuh. Dia terus berbisik di cuping telinga isterinya, berharap mak cik akan terbangun. Hari demi hari pak cik menemani mak cik di hospital, terus berusaha menyedarkan mak cik.

Hingga suatu malam, ketika tertidur pak cik mendengar ada yang berbisik di telinganya.

"Sakit.....sakit.....sakit....."

Pak cik lantas tersedar. Dengan jelas, dia mendengar suara isterinya itu merintih kesakitan. Ruang biliknya sudah gelap. Dia berganjak untuk memeriksa keadaan isterinya yang masih tak sedarkan diri di tempat tidur. Dia fikir suara yang terdengar itu hanyalah halusinasi kerana

dia terlalu penat. Lantas dia kembali tertidur. Namun tidak lama kemudian, suara itu terdengar lagi.

Sangat jelas!. Itu bukan halusinasi.

Dia kembali terbangun. Merasa ada yang tidak kena, dia keluar dari bilik wad, mengambil air minuman untuk menyegarkan diri.

Pemanas air ada di lorong, di luar bilik wad.

Gelegak air dalam geleng menggema di lorong ketika dia menuangkan air ke dalam gelas plastik. Belum sempat dia mahu meneguk, dari kejauhan terdengar suara tapak kaki. Ya, di lorong itu ada seseorang. Pak cik melihat seorang perempuan berbaju hospital berjalan lemah. Posisi perempuan itu membelakanginya.

Dari perwatakannya, pak cik dapat mengenali sosok itu. Itu adalah isterinya!.

Lantas dia berjalan mendekati perempuan itu dan tiba-tiba saja perempuan itu berbalik. Terlihat jelas wajah perempuan itu. Itu memang isterinya tetapi dengan wajah yang hodoh dan penuh darah!.

Tergamam. Pak cik berlari kembali ke dalam wad, menutup pintu wad rapat-rapat. Namun dia melihat isterinya masih ada di atas katil dan terkulai lemah. Pak cik memberitahu saya, ini adalah kali pertama dia melihat 'hantu'!. Ehh tetapi isterinya kan belum mati?. Mana mungkin menghantui?. Segala pertanyaan memenuhi benaknya. Akhirnya, dia mengambil kesimpulan mungkin kerana dia hanya melihat sosok itu sekali, itu adalah imajinasinya saja akibat dari tekanan yang dialaminya.

Namun malam-malam berikutnya, pak cik masih melihat mak cik sering berjalan-jalan di lorong.

Tak tahan lagi memendam kegundahan, pak cik mengunjungi orang yang bijak pandai. Awak faham kan maksud orang bijak pandai?. Menurut orang itu, yang pak cik lihat itu adalah roh isterinya yang terperangkap di dalam dimensi lain. Ketika sedang koma, jasad dan roh terpisah. Jasadnya masih bernafas dan hidup tetapi rohnya tidak ada di sana, kerana itulah kita harus

selalu mengajak orang koma berbicara agar dia mendengar dan boleh kembali padahal pak cik pun rajin mengaji setiap malam di samping mak cik.

Beberapa minggu kemudian ketika pak cik sedang mengaji, mak cik tersedar. Pak cik bahagia bukan main. Dia terus memeluk dan mencium mak cik.

Setelah cukup kuat, mak cik mula menceritakan pengalamannya. Menurut mak cik, dia bangun dari tidurnya di wad itu tetapi tidak menemukan sesiapa, hanya sendirian. Baru setelah keluar dari wad, dia melihat beberapa orang pesakit yang hanya berjalan mundur-mandir di lorong. Muka para pesakit lain pucat dan tiada sepatah kata pun yang terdengar dari mereka.

Hening.....

Lalu mak cik pun pergi mencari jururawat atau doktor kerana kepalanya mula terasa sakit. Namun tidak ada seorang doktor atau jururawat yang boleh dia temukan!. Mak cik hanya mampu merintih kesakitan sehinggalah suatu ketika dia mendengar suara pak cik sedang mengaji. Dia mencari suara itu. Seketika, dia tersedar dan sudah kembali di atas tempat tidur, melihat suaminya sedang mengaji. Hanya itu saja yang dia rasakan padahal nyatanya dia sudah hampir dua minggu tidak sedar.

Perasaan yang dialami oleh orang koma sama seperti perasaan kita saat bermimpi.

Kita tertidur selama lapan jam dan selama terlelap, kita tidak ingat apa-apa. Memang sesaat terkadang kita bermimpi. Kita boleh menceritakan dengan ringkas apa yang kita lihat dalam mimpi tetapi bukankah mimpi-mimpi kita singkat?. Kita lebih lama tidak ingat lalu ke mana kita saat tidak ingat itu?. Biasanya kita berdoa sebelum tidur;

"Dengan menyebut nama-Mu Ya Allah, aku hidup dan dengan menyebut nama-Mu aku mati."

Di sana ada kata 'mati'.

Saya pernah membaca sebuah artikel yang mengatakan bahawa mati adalah keadaan ketika sebuah jasad tidak mempunyai roh. Ketika kita tidur, mungkin ini menurut pandangan saya-

roh kita berjalan di dimensi lain yang kadang kala kita alami sebagai mimpi. Waktu dimensi lain dan yang kita tempati sekarang pun terasa berbeza.

Seperti mak cik saya, koma selama berhari-hari tetapi hanya beberapa minit saja berada di dimensi yang lain.

Apa yang ingin saya beritahu, mungkin ibu awak sedang mengalaminya. Roh tidak ada di dalam jasadnya. Boleh jadi, roh ibu awak sedang berada di luar dan memanggil anak-anaknya agar pulang.

Namun jika itu benar, seharusnya ibu awak tidak akan sedar.

Jika dia masih boleh bergerak bahkan mendengar dan berbicara, ada satu pertanyaan;

Roh siapa yang ada di sana?.

Atikah, seperti ada yang baru saja menyentuh leher saya.

Seluruh tubuh saya meremang dari hujung kaki sehingga ke hujung kepala. Kata orang, jika kita sedang membicarakan 'hantu', kadang kala sosok itu akan muncul dan berada di sekitar kita.

Saya sudahi dulu surat ini. Sepertinya ada yang tidak suka, keadaan di sini mula tidak nyaman.

Oh, ya....

Saya hanya bergurau.

Saya memang tinggal di Kuala Lumpur Atikah.

Mungkin awak boleh berkunjung ke sini, melihat ibu kota tetapi tidak mungkin awak akan meninggalkan ibu awak kan?. Atau begini, mungkin biar saya saja yang nanti datang ke sana.

Rizal Affandi

Rizal Affandi

2 Mac 1994

Kepada Rizal Affandi

Riz!!!

Saya benci bila awak mula menyangkut-pautkan segala hal dengan mistik.

Menyakitkan hati!.

Tak pernah walau sekalipun jawapan-jawapan yang tak logik awak tulis untuk menjawab surat-surat pembaca awak di majalah.

Aneh, pelik!! Jika tiba-tiba awak membicarakan sesuatu yang tidak masuk akal seperti ini. Apa yang membuatkan saya tertarik untuk mengirimkan surat kepada awak adalah jawapan-jawapan awak yang tidak menjual mimpi. Saya tahu mimpi itu hanya sesuatu yang fana, yang pada kenyataannya sukar untuk diwujudkan.

Ini adalah masa-masa membingungkan dalam hidup saya dan saya rasa saya memerlukan seseorang yang benar-benar berfikiran logik untuk saya ajak bicara bukan sebaliknya.

Saya harap awak akan segera sedar, bangun adalah bahagian terbaik dari sebuah mimpi.

Riz.....

Seperti orang gila, kakak saya Ara sekarang kerap bersimpuh di kaki ibu. Sementara ibu pula masih mematung seperti mayat. Tak ada gumaman seperti sebelumnya. Ya....ibu tidak lagi mengigau. Entahlah, keadaan kini begitu hening. Nafas ibu yang biasa tercungap-cungap pun tenang, tidak seperti biasanya.

Kadang-kadang Ara mendatangi saya dengan wajah yang tampak lelah. Dia bertanya, apakah saya sudah makan padahal dia sendiri berhari-hari tidak makan. Apa yang dia lakukan hanyalah memandang tubuh ibu sambil berjuraian air mata.

Riz,

Saya bingung, sepertinya ada hal lain yang Ara sembunyikan dari saya. Rasanya mustahil dia selemah ini hanya kerana melihat sosok ibu yang dia anggap sebagai 'hantu'. Itu terlalu gila rasanya untuk menjadi penyebab lemahnya fizikal dan mental Ara. Saya tertanya-tanya, pasti ada hal yang lain Riz.

Pasti ada.

Dan betapa sialnya saya yang tidak tahu apa-apa selain meneka itu dan ini atau sekadar menceritakan kebingungan saya ini kepada awak. Ya Riz, di tengah segala masalah sialan ini, saya mula memikirkan bagaimana sebenarnya rupa awak.

Tak pernah ada satu foto pun dari awak yang terpampang di majalah itu, tidak ada apa-apa. Hanya sedikit biodata awak saja di sana dan itu pun untuk perkara yang tidak terlalu penting.

Bercerita dengan awak rasanya seperti bermain dengan kucing di dalam guni bahkan mungkin lebih baik bermain dengan haiwan itu kerana saya boleh mendengar suaranya. Berbincang dengan awak yang bersuara melalui surat kadang kala terasa tidak cukup bagi saya.

Maaf jika saya ini terlalu mengada-ngada tetapi suatu hari nanti saya mungkin akan nekad mengejar awak, menemui awak dan menceritakan segalanya tepat di sisi awak. Ya, nanti saja dan bukan sekarang.

Maaf Riz, saya terlalu banyak berhalusinasi....

Riz!!!

Kakak kedua saya baru saja datang!.

Ya, Ira kakak kedua saya, dia datang bersama suami dan anak perempuannya!.

Sekarang mereka berada di dalam bilik ibu. Sebelumnya Ira menghalau Ara yang sedang menunggu ibu. Suaminya-yang entah siapa namanya bersama anak kecil berumur sekitar empat tahun- yang juga entah siapa namanya ikut masuk.

Saya dan Ara kebingungan. Ara itu kini hanya mengelamun di tempat tidur saya sementara saya yang masih terkejut cuba meneruskan menulis surat ini untuk awak.

Ara begitu pendiam, pucat. Anehnya dia juga tidak mempedulikan saya yang sedang sibuk menulis di depannya. Padahal dulu dia selalu ingin tahu urusan saya walau sekecil manapun ia.

Kembali lagi pada Ira.

Sudah hampir lima tahun kakak saya itu pergi dari rumah. Disusuli oleh Ana, kakak sulung saya yang berangkat tak lama selepasnya.

Namanya Amalin Syahirah. Dia adalah kakak kedua saya yang berwajah kacukan dengan kulitnya yang sangat putih seperti mutiara, berkilat kata orang. Saya dan Ara dulu selalu mengejeknya dengan sebutan vampire kerana fizikalnya itu.

Dia bukan orang yang baik Riz. Ira jenis manusia yang panas baran, suka mengamuk kerana hal-hal remeh malah selalu memarahi arwah nenek dan atuk saya.

Dia juga bukan orang yang bertanggungjawab. Dia tidak pernah mahu pergi ke sekolah. Sejak dulu, kami semua tidak tahu apa cita-citanya. Kakak saya itu seolah-olah takut akan masa depan.

Setiap hari kelahirannya, Ira pasti mengamuk. Dia tidak mahu tua dan dia tidak tahu akan melanjutkan hidup seperti apa pada masa akan datang. Memang, di antara kami, Ira yang paling banyak bergaul. Sayangnya, kawan-kawan di sekelilingnya adalah anak-anak liar yang kerap melakukan hal jenayah seperti meragut, merompak dan memeras ugut orang-orang yang lalu di sekitar mereka.

Sempat ibu pulang hanya untuk mengikat jamin Ira yang ditangkap khalwat di hotel bajet bersama teman lelakinya yang masih belajar di sekolah menengah. Malang, saat itu penduduk kampung mengetahui perbuatannya dan memukul Ira sehingga ada yang melemparkannya dengan telur busuk. Saya dan kakak-kakak yang lain hanya mampu terdiam tatkala melihat Ira pulang bersama ibu.

Saat itu ibu benar-benar marah, mengamuk, memukulnya habis-habisan lalu menangis seperti orang yang terkena histeria. Kemudian, ibu meninggalkan rumah lagi, tak pulang selama berbulan-bulan.

Setelah saya mengingati kembali, sebenarnya ada juga kebaikan ibu. Meskipun kehadirannya dalam kehidupan kami sekejap ada, sekejap tak ada tetapi dia selalu muncul pada saat-saat sukar kami. Ehhh maaf, bukan kami tetapi mereka lebih tepatnya kerana saya si bongsu, tak

pernah menyusahkan hidup saya sehingga menyusahkan ibu. Saya hanyalah si bongsu yang malang kerana tertimpa masalah serumit ini.

Maaf, saya melalut.

Kembali kepada Ira.

Dia pergi setelah kematian atuk, saat nenek masih hidup. Bayangkan nenek harus mengalami kesedihan yang berlipat kali ganda. Ditinggalkan oleh atuk dan cucu-cucu kesayangannya. Terkadang, saya menganggap pemergian Ana, Ira dan Ara adalah salah satu penyebab kematian nenek yang pada akhirnya tertekan, jatuh sakit dan meninggal menyusul atuk.

Mengingati masa remaja Ira yang nakal, rasanya seakan-akan tak percaya melihat dia pulang membawa seorang lelaki dan anak kecil. Saya boleh pastikan bahawa lelaki dan anak kecil itu adalah suami dan anak Ira. Wajah kanak-kanak perempuan yang begitu mirip dengan Ira dan lelaki berkulit sawo matang yang datang bersamanya.

Ya Allah, bererti dia adalah anak saudara saya.

Harusnya saya merasa gembira tetapi nyatanya biasa saja.

Riz, saya sangat penat malam ini, penat sangat. Esok pagi saya mungkin akan hantarkan surat ini ke pejabat pos yang berhampiran dengan rumah. Mujurlah, pejabat pos itu hanya berjarak beberapa ratus meter dari sini.

Tetaplah membalas surat saya ini, hanya awak saja yang boleh menguatkan semangat saya untuk tetap sabar dan bersikap rasional.

Jangan memikirkan lagi soal hantu. Itu semua mengarut!! . Saya hanya ingin awak seperti yang dulu, logik dan apa adanya.

Maaf jika sepertinya surat saya kali ini semakin membuatkan awak tertanya-tanya tentang apa yang terjadi dengan kedatangan kakak kedua saya, Ira.

Akan saya khabarkan kepada awak secepatnya.....kerana sehingga sekarang, mereka masih mengunci diri di dalam bilik ibu.

Atikah

Atikah Syuhada

8 Mac 1994

Untuk Atikah

Maaf jika surat saya sebelum ini membuatkan awak bingung dan menganggap saya ini berfikiran tidak logik bahkan tidak masuk akal. Saya hanya mencuba memberitahu saja bahawa yang seperti itu ada, tidak lebih.